

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KERATAN AKHBAR 25 APRIL 2017

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

ISU : KADAR PENGANGGURAN DI MALAYSIA

Bil	Tarikh/ Hari	Akhbar & Tajuk Berita	Ruang/ Muka Surat	Pihak Terlibat
1.	25.04.2017 Selasa	UTUSAN MALAYSIA Kadar pengangguran di Malaysia dijangka 3.3%	Utusan Biz 17	KSM

Kadar pengangguran di Malaysia dijangka 3.3%

Oleh ZUNAIDAH ZAINON
ekonomi@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 24 APRIL

KADAR pengangguran di Malaysia dijangka mencatat purata sekitar 3.3 peratus tahun ini didorong oleh perkembangan aktiviti dagangan global yang semakin positif.

Menurut MIDF Research, perkara itu akan memberi kesan yang positif kepada pasaran buruh ekoran prestasi ekonomi Malaysia yang lebih baik hasil daripada industri yang berasaskan eksport.

"Selain itu, harga komoditi yang kukuh juga akan menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan dalam sektor berasaskan komoditi dan aktiviti hiliaan berkaitan.

"Dalam masa sama, perbelanjaan domestik yang dijangka memacu ekonomi negara tahun ini mungkin memberi rangsangan tambahan kepada industri berasaskan domestik sekaligus berupaya mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan," jelasnya dalam nota kajian di sini baru-baru ini.

Berdasarkan statistik terbaharu Jabatan Perangkaan Malaysia, ia menunjukkan kadar pengangguran kekal 3.5 peratus pada Februari 2017 dengan pasaran buruh meningkat 1.5 peratus tahun ke tahun kepada 14.9 juta.

Ia disokong oleh pertumbuhan sederhana dalam pekerjaan pada ketika prospek ekonomi yang positif. Dengan berasaskan bulan, kadar pertumbuhan dalam pasaran buruh dan pekerjaan adalah lebih tinggi berbanding kadar pengangguran.

Menurut MIDF Research, trend semasa itu membuktikan ekonomi negara semakin baik dan membolehkan lebih banyak peluang pekerjaan diwujudkan apabila penyertaan pasaran buruh meningkat 0.1 peratus daripada Januari.

"Secara keseluruhan, kadar purata pengangguran di seluruh dunia menunjukkan pasaran bu-



PERTUMBUHAN dalam pasaran buruh dan pekerjaan yang lebih tinggi membuktikan ekonomi Malaysia semakin baik. - GAMBAR HIASAN

KADAR PENGANGGURAN GLOBAL

(setakat Februari 2017)



Sumber: Mdf Research

ruh yang kukuh di tengah-tengah aktiviti perdagangan global yang semakin pulih. Thailand misalnya, merekodkan kadar pengangguran terendah pada Februari dengan 1.1 peratus manakala Korea Selatan pula 4.4 peratus.

"Negara-negara membangun turut menunjukkan kadar pengangguran yang semakin menurun, antaranya Kesatuan Eropah (EU) dan Amerika Syarikat (AS) mencatat kadar pengangguran pada 9.5 peratus dan 4.7 peratus. Kait terakhir EU mencatat kadar pengangguran pada 9.5 peratus

ialah Mei 2009," katanya. Bagaimanapun, Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) dalam sidang akhbarinya awal minggu ini, melahirkan kebingungan terhadap masalah pengangguran terutama dalam kalangan belia.

Pengarah Eksekutif MIER, Dr. Zakariah Abdul Rashid berkata, ia berdasarkan kepada statistik Kementerian Sumber Manusia yang menunjukkan 200,000 belia masih menganggur daripada hampir setengah juta penganggur di Malaysia.

ISU : KESELAMATAN & KESIHATAN PEKERJAAN

Bil	Tarikh/ Hari	Akhbar & Tajuk Berita	Ruang/ Muka Surat	Pihak Terlibat
1.	25.04.2017 Selasa	BERITA HARIAN Pekerja ruang terkurung perlu miliki sijil, patuhi keselamatan	Interaktif 33	JKKP NIOSH

Pekerja ruang terkurung perlu miliki sijil, patuhi keselamatan

Insiden terbaru membabitkan kematian dua pekerja di dalam saluran pembentung di Ipoh membangkitkan isu mengenai tahap keselamatan ketika bekerja di dalam ruang terkurung. Kemalangan ini sebenarnya boleh dicegah jika semua pihak terbabit terutama pihak kontraktor dan pekerja mereka mematuhi undang-undang dan mengikuti garis panduan ditetapkan.

Ruang terkurung termasuk tangki penyimpanan, sistem pembentungan atau telekomunikasi bawah tanah. Bahaya di ruang terkurung pula termasuk kualiti udara yang rendah, pencemaran biologi, kimia dan radiasi dan suhu serta bunyi yang melampau.

Sistem pengudaraan lemah turut memburukkan keadaan dan majikan perlu menjamin keselamatan dan kesihatan pekerja mereka yang terdedah kepada bahaya tersebut. Mereka yang bekerja di ruang terkurung juga perlu ambil segala langkah keselamatan pekerjaan kerana bahaya dihadapi adalah lebih buruk berbanding tempat kerja biasa.

Kecederaan atau kematian pekerja bukan sahaja merugikan majikan, tetapi juga menimbulkan kesengsaraan kepada keluarga mangsa. Dalam kejadian terbaru itu, kedua-dua syarikat pembentungan dan kontraktor penyelenggaraan yang dilantik perlu disiasat bagi menentukan sama ada mereka mematuhi peraturan di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (OSHA), atau tidak.

Pekerja bertauliah dibenarkan masuk ruang terkurung

Antara lain, mereka perlu memastikan hanya pekerja bertauliah dibenarkan memasuki ruang terkurung berkenaan dan mereka juga perlu mematuhi garis panduan di bawah Kod Amalan Bekerja Selamat Di Ruang Terkurung (ICOP) 2010.

Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (NIOSH) telah bekerjasama dengan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) untuk menyediakan standard kebangsaan bagi pekerjaan di ruang terkurung yang mana permit hanya diberi kepada

Info

Pekerja ruang terkurung

→ **Pekerja bertauliah dibenarkan memasuki ruang terkurung** dan mereka juga perlu mematuhi garis panduan y di bawah Kod Amalan Bekerja Selamat Di Ruang Terkurung (ICOP) 2010

→ **Pekerja ruang terkurung perlu memiliki sijil berkaitan daripada syarikat penyedia latihan** seperti NIOSH dan mereka juga perlu dipantau penyelia bertauliah.

→ **Di bawah Seksyen 15 OSHA, majikan boleh dikenakan denda sehingga RM50,000 atau penjara dua tahun atau kedua-duanya** jika mereka gagal menyediakan persekitaran kerja selamat dan sihat.

mereka yang kompeten untuk menjalankan tugas.

Antaranya, pekerja yang ingin memasuki ruang terkurung perlu memiliki sijil berkaitan daripada syarikat penyedia latihan seperti NIOSH dan mereka juga perlu dipantau penyelia bertauliah. Tata amalan industri keselamatan dan kesihatan pekerjaan perlu dipatuhi pihak industri yang terbabit dengan kerja di ruang terkurung dan setiap majikan dan kontraktor perlu melakukan penilaian risiko keselamatan serta kesihatan dan mengambil langkah sesuai sebelum membenarkan pekerja mereka memasuki kawasan tertutup itu.

Bekerja di ruang terkurung amat berisiko tinggi dan kebanyakan kematian berlaku apabila pekerja terhidu gas beracun atau kekurangan oksigen.

Di bawah Seksyen 15 OSHA, majikan boleh dikenakan denda sehingga RM50,000 atau penjara dua tahun atau kedua-duanya jika mereka gagal menyediakan persekitaran kerja selamat dan sihat.


Menurut JKKP, kemalangan di

ruang terkurung berlaku apabila kerja penyelenggaraan diserahkan kepada sub-kontraktor yang tidak mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam bidang itu. Mereka biasanya tidak mempunyai prosedur kerja serta peralatan lengkap untuk bekerja di ruang terkurung.

Elak kemalangan, kematian

Oleh kerana kerja berkenaan bukan dilakukan dengan kerap, pekerja kontrak juga sering mengesetipikan soal keselamatan, manakala penyelia yang berkemahiran tidak berada di kawasan kerja.

Sehubungan itu, saya menyeru pihak berkuasa dan majikan supaya memastikan hanya mereka yang mempunyai sijil kompetensi daripada penyedia latihan bertauliah dibenarkan melakukan kerja di ruang terkurung. Ini dapat memastikan kemalangan dan kematian di ruang terkurung dapat dielakkan pada masa hadapan.

 **Tan Sri Lee Lam Thye,**
Pengerusi NIOSH